

PENGENALAN

Majlis Malam Gemilang Putra 2014 (MGP14) merupakan sebuah majlis tradisi Kolej Tiga Belas yang diadakan setiap tahun dan merupakan kemuncak bagi semua aktiviti yang dijalankan di Kolej Tiga Belas. Majlis Malam Gemilang Putra 2014 telah diadakan pada 5 April 2014 bertempat di The Everly, Putrajaya. MGP14 telah dianjurkan oleh Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tiga Belas Sesi 2013/2014 dengan kerjasama pihak pengurusan Kolej Tiga Belas. Majlis pada kali ini dilaksanakan dengan tema 'Sri Gemersik Nusantara'.

OBJEKTIF

- 1) Meraikan dan memberi penghargaan serta penganugerahan kepada pelajar tahun akhir yang telah menyumbang tenaga, idea dan komitmen yang tinggi dalam pelbagai aspek khususnya kepada Kolej Tiga Belas dan universiti amnya.
Melatih diri jawatankuasa pelaksana dalam pengurusan majlis dan pengorganisasian program berimpak tinggi.
- 2) Memantapkan kemahiran mahasiswa dalam menguruskan perbelanjaan aset sepanjang program berlangsung.

PELAKSANAAN

Persediaan untuk pelaksanaan Malam Gemilang Putra 2014 telah bermula seawal Januari 2014. Perancangan bermula dengan pembentukan organisasi, penyediaan kertas kerja, pemilihan tarikh, tempat, tema serta pembahagian bidang tugas. Jawatankuasa Pelaksana dibahagikan kepada dua eksekutif iaitu Eksekutif Perancangan dan Eksekutif Pelaksana, masing-masing diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif. Pemilihan tema 'Sri Gemersik Nusantara' pada kali ini menerapkan unsur batik dan songket yang merupakan warisan seni Melayu. Uniknyanya, majlis kali ini turut mempamerkan beberapa seni warisan Melayu seperti barang kemas, pakaian dan tengkolok. Majlis turut dihadiri oleh tetamu kehormat, Dato' Ali Parto; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Pengetua Kolej Tiga Belas, Prof. Madya Dr. Arifin Abdu.

HASIL PEMBELAJARAN

- 1) Dapat menerapkan elemen kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar bagi membentuk pelajar berpersonaliti unggul.
- 2) Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga Kolej Tiga Belas tanpa mengira pangkat dan usia.
- 3) Semangat kepimpinan serta kerjasama dalam sesuatu organisasi dapat dipupuk dalam usaha untuk menghasilkan program yang terbaik.
- 4) Dapat menghimpunkan alumni-alumni kolej yang kini telah cemerlang dalam bidang masing-masing.

PENGHARGAAN

- 1) Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tiga Belas Sesi 2013/2014.
- 2) Pihak pengurusan Kolej Tiga Belas.
- 3) Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.
- 4) The Everly Hotel, Putrajaya.
- 5) AMICOM Trading.

PELAKSANA PROGRAM

Pengarah: Muhammad Faris Jaafar
Timb. Pengarah: Mohamad Azren Putra Mat Desa

Setiausaha I: Nurul Syafiqah Norsam
Setiausaha II: Mohd. Hafizudeen Moahamad



Dato' Ali Parto, Pengarah Urusan Amicom Trading dan Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran bergambar bersama Jawarankuasa Pelaksana Malam Gemilang Putra 2014



Malam Gemilang Putra 2014 bertujuan meraikan pelajar tahun akhir Kolej Tiga Belas sebelum bergraduat



Usher MGP 2014 yang tampan dan ayu



VVIP Malam Gemilang Putra 2014 menghayati pameran warisan Melayu



Persembahan iringan yang menyerikan majlis



Persembahan daripada kumpulan dikir barat Kolej Tiga Belas



Penganugerahan Anugerah Perdana Gemilang Putra oleh YBhg. Dato' Ali Parto kepada Nur Farasieha Mohamad selaku penyandang anugerah utama



Penyampaian cenderamata penghargaan daripada pengetua Kolej Tiga Belas, Prof. Madya Dr. Arifin Abdu kepada YBhg. Dato' Ali Parto

DISEDIAKAN OLEH

Mohamad Azren Putra Mat Desa
Muhammad Muslih Md Rajib
Muhammad Qayyum Alemilhadie Sulaiman

Fatin Najihah Selamat
Nur Farasieha Mohamad
Muhammad Syahmi Jafri
Hasan Zakaria
Muhammad Faris Jaafar